



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

TERMA RUJUKAN

PERUNDING BAGI

**KAJIAN KES MENINGKATKAN PENGLIBATAN ANGGOTA-
ANGGOTA KOPERASI DALAM MENJAYAKAN
TRANSFORMASI GERAKAN KOPERASI BAGI MEMACU
PERTUMBUHAN KOPERASI DI MALAYSIA**

KAJIAN KES *BEHAVIOURAL INSIGHTS* BAGI TAHUN 2021

A. LATAR BELAKANG KAJIAN

1 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah diberi mandat oleh Kerajaan untuk melaksanakan kajian *Behavioural Insights* (BI) di Malaysia pada tahun 2021, selari dengan aspirasi Kerajaan untuk menggunakan kaedah BI dalam membangunkan polisi awam dan peraturan yang berkualiti dan berkesan.

2 Penggubalan dasar berunsurkan perihai tingkah laku menekankan tentang kepentingan mengkaji pelbagai pengaruh, memberi perhatian kepada faktor-faktor sosial, psikologi dan ekonomi yang mempengaruhi pemikiran dan perlakuan seseorang individu. Ianya juga menangani pelbagai maklumat termasuk birokrasi, teknologi dan penyampaian perkhidmatan yang sering diabaikan dalam penggubalan dasar tetapi akan mempengaruhi keberkesanan pembangunan program.

3 Pada tahun 2021, kajian *Behavioral Insights* akan dilaksanakan di beberapa Kementerian, Agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terpilih dengan penglibatan bersama dari pelbagai pihak seperti syarikat perunding dan universiti tempatan bagi memenuhi permintaan dari pelbagai bidang kepakaran.

4 Selaras dengan Pelan Transformasi Koperasi (TranKOM) 2021-2025, kajian ini diangkat untuk melihat perubahan dalam gerakan koperasi di Malaysia. Kajian ini menjurus kepada penglibatan anggota-anggota koperasi dalam menjayakan Transformasi Gerakan Koperasi bagi memacu pertumbuhan koperasi. Objektif kajian adalah untuk menilai penglibatan anggota koperasi sebagai catalyst kepada pembangunan sosio-ekonomi yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan.

5 Kajian ini melibatkan anggota koperasi dari kluster kecil dan mikro dari seluruh negara. MEDAC mendapati penglibatan anggota-anggota koperasi ini adalah rendah, dan satu kajian yang komprehensif perlu dilaksanakan bagi menilai penglibatan serta kesedaran untuk aktif berkoperasi. Dapatan kajian ini adalah penting kepada MEDAC untuk merencana program-program pembangunan sosio-ekonomi kumpulan sasar ini.

6 Pendekatan BI dilihat sesuai dalam menilai penglibatan anggota koperasi bagi menjayakan program transformasi yang dijalankan oleh MEDAC.

B. OBJEKTIF PELANTIKAN PERUNDING

Objektif pelantikan perunding adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti isu dan permasalahan utama projek yang dicadangkan;
- ii. Mengumpul dan menganalisa data tingkah laku semasa;
- iii. Mengenalpasti jurang tingkahlaku; dan
- iv. Membangunkan cadangan dan instrumen intervensi termasuk pelan dan tindakan kajian kes.

C. SKOP PERKHIDMATAN PERUNDING

1 Perunding yang dilantik mestilah:

- i. Menghadiri taklimat skop kajian kes BI daripada sekretariat MPC bagi mendapatkan kefahaman yang jelas dengan perjalanan kajian kes;
- ii. Mengemukakan jadual pelaksanaan projek terperinci dalam masa 7 hari dari tarikh lantikan;
- iii. Melaksanakan kajian mengikut jadual pelaksanaan kajian termasuk mengaturkan sesi perbincangan atau mesyuarat dengan pemegang taruh yang berkaitan;
- iv. Melaporkan perkembangan status kajian setiap 2 minggu kepada MPC;
- v. Menyediakan laporan interim dan laporan akhir kajian secara terperinci (dengan jumlah minimum 25 muka surat setiap satu kajian) meliputi konsep, rangka kerja, metodologi dan cadangan penambahbaikan untuk dibentangkan kepada pihak MPC; dan
- vi. Bertanggungjawab mengetuai pembentangan kepada Pengurusan MPC bersama pasukan kerja.

D. TEMPOH PERKHIDMATAN PERUNDING

- 1 Jangka masa kajian adalah selama **tiga (3) bulan** bermula dari surat lantikan dikeluarkan (rujuk carta perbatuan di **Lampiran 1**). **Tiada lanjutan**

tempoh masa akan diberikan.

2. Bagi memastikan maklumat yang diperoleh dalam pelaksanaan kajian seiring dengan matlamat MPC, dapatan kajian perlu dikemukakan mengikut peringkat pelaksanaan kajian seperti berikut:
 - i. **Laporan Interim** merangkumi pernyataan masalah, latar belakang kajian, objektif, skop dan carta perbatuan. Laporan interim dikemukakan kepada MPC satu (1) bulan selepas surat lantikan dikeluarkan;
 - ii. **Laporan Akhir** merangkumi penemuan kajian, cadangan penambahbaikan dan cadangan intervensi kajian. Laporan Akhir dikemukakan selepas pemurnian dibuat dan dibentangkan kepada pihak pengurusan MPC pada bulan ketiga (minggu 4).

Walau bagaimanapun, dalam kes-kes yang tertentu, pihak MPC berhak untuk memohon kerjasama perunding untuk membuat pembentangan pada bila-bila masa yang diperlukan.

E. KAEDAH PENETAPAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

1. Penetapan kos perkhidmatan perunding bagi kajian ini hendaklah menggunakan kaedah seperti di PK3.2 – Kos Perkhidmatan Perunding.
2. Kos perkhidmatan perunding adalah kos yang terdiri daripada yuran perunding dan kos imbuhan balik.

Kos projek yang disalurkan adalah muktamad. Sebarang pertambahan kos tidak akan ditanggung oleh MPC.

F. PEMBAYARAN KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

1. Pembayaran yuran kepada perunding akan dijalankan mengikut terma berikut:
2. Pembayaran yuran kepada perunding akan dijalankan mengikut terma berikut:
 - i. Pembayaran pertama (**40%**) dibuat selepas laporan interim dikemukakan kepada MPC; dan

- ii. Pembayaran terakhir (**60%**) dibuat selepas Laporan Akhir diserahkan kepada MPC dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy*.

G. METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan akan menggunakan metodologi seperti berikut:

- i. *Desk research* untuk mendapatkan gambaran awal mengenai isu, keadaan semasa dan amalan terbaik;
- ii. Sesi libat urus bersama pemegang taruh dan pihak berkepentingan;
- iii. Pengumpulan data melalui kaedah temuduga, *Focus Group Discussion (FGD)*, laporan, media, dan *survey* bersama kumpulan pemegang taruh yang berkaitan;
- iv. Membuat analisa kajian dalam bentuk grafik dan bertulis bagi memudahkan penyampaian hasil penemuan kajian.

H. JANGKAAN DAPATAN KAJIAN (DELIVERABLES)

Hasil penemuan kajian akan digunakan sebagai input kepada pemegang taruh (*stakeholders*) dalam usaha untuk menambahbaik peraturan atau polisi sedia ada. Penemuan kajian awal ini dijangkakan dapat memberikan cadangan-cadangan penambahbaikan terhadap sesuatu isu yang dikaji ke arah penyediaan peraturan yang lebih cekap dan intervensi Kerajaan yang berkesan. Jangkaan dapatan kajian adalah:-

Laporan kajian kes yang mengandungi:

- i. Analisa tingkah laku semasa (*as-is behaviour*)
- ii. Dapatan jurang tingkah laku (*behavioural gaps*) dan
- iii. Cadangan intervensi termasuk instrumen kajian.

I. PENYERAHAN

- 1 Selepas draf laporan akhir dibentangkan kepada MPC dan dimurnikan, perkara-perkara seperti berikut hendaklah dihantar selewat-lewatnya tujuh (7) hari dari tarikh pembentangan:
 - i. Satu (1) naskah Laporan Akhir Projek yang lengkap dan komprehensif dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia seperti yang telah dipersetujui. Laporan Akhir Projek juga perlu mengandungi Abstrak dan Rumusan Eksekutif.
 - ii. Laporan Akhir Kajian dalam bentuk *softcopy*, *hardcopy* dan dalam

bentuk MS Word; dan

- iii. Slaid pembentangan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.

J. HAK MILIK MPC KE ATAS LAPORAN PROJEK, REKOD-REKOD DAN DOKUMEN YANG BERKAITAN

- i. Semua laporan dan data yang berkaitan seperti peta, rajah, lukisan, statistik, imej dan rekod atau bahan yang dikumpulkan atau disediakan dalam tempoh projek ini adalah sulit dan hendaklah menjadi harta milik MPC sepanjang masa penyediaan projek dan selepas projek dilaksanakan.
- ii. Perunding yang dilantik dan/atau ahli kumpulan tidak boleh bertindak atau melakukan sebarang penyebaran hasil kajian ini tanpa mendapat kebenaran secara bertulis daripada MPC.

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

LAMPIRAN 1

CARTA PERBATUAN PELAKSANAAN KAJIAN

Tempoh kajian adalah selama 3 bulan. Bersama-sama ini disertakan carta perbatuan kajian:

Bulan	1				2				3			
Aktiviti/Minggu	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
1. Kajian awal												
2. Laporan Interim												
3. Sesi Libat Urus dan Pengumpulan Data												
4. Analisa												
5. Laporan Akhir												